

28/02/1997

Latiff nafi kemuka surat letak jawatan

KUALA LUMPUR, Khamis - Ketua Umno bahagian Bagan, Datuk Abdul Latiff Mirasa hari ini menafikan beliau sudah mengemukakan surat peletakan jawatan sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Menurutnya, beliau tidak akan mengemukakan surat peletakan itu sehingga menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

"Sehingga kini saya masih lagi menjawat jawatan Exco. Saya hanya berbincang dengan beberapa rakan mengenai hasrat ingin melepaskan jawatan itu," katanya di majlis Muzakarah Menangani Gejala Sosial: Pelan Tindakan Umno, di sini hari ini.

Abdul Latiff mengulas laporan sebuah akhbar berbahasa Inggeris yang melaporkan beliau sudah mengemukakan surat peletakan sebagai Exco, tetapi kekal Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Seberang Jaya.

Laporan itu memetik sumber-sumber kanan kerajaan negeri sebagai berkata, Latiff sudah menyerahkan surat peletakan jawatan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tanah, Pembangunan Usahawan dan Koperasi kepada Dr Koh, baru-baru ini.

Ditanya adakah benar beliau berhasrat ingin melepaskan jawatan itu, Latiff berkata:

"Saya belum membuat keputusan. Saya sudah 25 tahun berkhidmat sebagai kakitangan kerajaan sebelum menjawat jawatan sekarang.

"Sebagai ahli parti, kita perlu setia dengan keputusan parti. Saya akan hanya membuat keputusan selepas menemui Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Ketua Menteri," katanya.

Bagaimanapun di GEORGETOWN, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Mohd Shariff Omar mengesahkan Latiff memberitahunya secara peribadi mengenai peletakan jawatannya sebagai Exco.

"Latiff memberitahu saya, beliau sudah menghantar surat peletakan jawatan itu kepada Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kira-kira seminggu yang lalu.

"Dan saya sendiri diberitahu oleh Latiff mengenai surat itu selepas kami menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Isnin lalu," katanya ketika ditanya mengenai laporan akhbar mengenai peletakan jawatan Latiff sebagai Exco kerajaan negeri.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan pameran Koleksi Gambar Perjuangan Umno 50 Tahun, di ruang legar Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar), anjuran akhbar The New Straits Times (NST), di sini hari ini.

(END)